

30 AUG 1999

ALIRAN KELUAR-1 SEPT

TIADA ALIRAN KELUAR BESAR-BESARAN DIJANGKA 1 SEPT

Oleh: Siti Hawa Othman, S. Durga Varma & Rizal Razalli

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Aliran masuk besar-besaran dana asing ke dalam pasaran domestik bagi satu tempoh yang lama ditambah dengan kukuhannya rizab asing Malaysia akan melenturkan kebimbangan yang menyelubungi penarikan semula moratorium modal portfolio asing pada 1 Sept ini, kata para penganalisis.

Banyak pihak yang menjangkakan 1 Sept ini akan menjadi satu hari yang "non-event", satu gambaran yang pertama kali digunakan oleh presiden Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Datuk Salleh Majid, kira-kira tiga bulan lalu.

Keyakinan seumpama itu muncul di tengah-tengah petunjuk ekonomi yang semakin baik. Sebagai contohnya sehingga 11 Ogos, 1999, terdapat aliran meningkat bersih dana berjumlah RM4.2 bilion manakala rizab antarabangsa sehingga 14 Ogos, 1999 berada pada AS\$31.9 bilion, cukup untuk membiayai 6.8 bulan import tertanggung.

Kebanyakan penganalisis menyatakan BSKL akan kekal pada paras semasa pada Rabu ini manakala bagi pasaran wang, aliran keluar, jika adapun adalah kecil.

"Keseluruhan isu aliran keluar 1 Sept (apabila tempoh simpanan setahun bagi dana portfolio tamat) telah diabaikan oleh kedua-dua pasaran," kata seorang penganalisis.

Jika ada penghantaran pulang besar-besaran bagi 1 Sept ini, urusan ringgit akan dilakukan daripada Khamis lalu tetapi sehingga sekarang, pasaran pertukaran asing masih lagi senyap, katanya.

Bagi pasaran saham, tidak akan terdapat banyak jualan kerana kebanyakan jualan telah dilakukan dua minggu lalu. "Aliran keluar tunai yang anda perlu awasi adalah daripada bank-bank, bukan daripada pasaran saham," kata seorang peniaga.

Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) menyatakan baru-baru ini bahawa "sebarang aliran keluar adalah sementara dan dana-dana terbabit akan kembali bagi pelaburan semula, memandangkan kepada aliran positif yang muncul dalam asas pendasar negara."

Bagaimanapun, beberapa penganalisis tetap mempertahankan bahawa Bank Negara Malaysia sudahpun bersedia sedia bagi keadaan itu dan sebarang aktiviti aliran keluar hanyalah dalam jumlah yang kecil berbanding dengan jumlah besar dana yang sedang menunggu untuk memasuki Malaysia kerana potensi pelaburan yang bertambah baik di Malaysia.

Seorang peniaga menganggarkan BNM mempunyai lebihan mudah tunai di antara RM45 bilion dan RM60 bilion manakala aliran keluar dalam dana portfolio pada permulaannya dijangka berjumlah AS\$6 bilion.

BNM, tambahnya, juga mengambil kira "senario-kes-buruk" dan sudah bersedia sedia, dengan demikian tiada sebab untuk perlu bimbang terhadap perkara itu. Dengan rizab yang besar, Malaysia boleh bertahan daripada pengeluaran dana tersebut, jika ia berlaku.

Sharudin Abdul Majid, penolong pengurus besar (perkhidmatan broker) Amanah Butler Malaysia Sdn Bhd, berkata beberapa pelabur asing telahpun melabur semula bagi tempoh jangka masa panjang.

Angka pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terbaru pada 4.1 peratus bagi suku tahun kedua tahun ini serta kemasukan semula Malaysia ke dalam Indeks Bebas Pasaran Sedang Muncul Morgan Stanley Capital International (MSCI) pada Februari tahun depan, telah membuatkan pelabur berfikir dua kali untuk meninggalkan pasaran.

Malahan pakar ekonomi antarabangsa Prof Paul Krugman, yang pernah

mengambil pendekatan curiga terhadap prospek pertumbuhan Asia selepas krisis kewangan, baru-baru ini memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir kerana mengenakan kawalan modal.

"Malaysia mampu untuk keluar daripada kemelesetan dalam tempoh yang singkat. Saya percaya tarikh akhir 1 Sept, 1999 akan datang dan pergi seperti hari-hari biasa. Saya tidak menjangkakan sebarang masalah kerana kita membicarakan mengenai sebuah negara yang mempunyai rizab yang besar. Oleh itu tiada apa yang perlu dibimbangkan kerana tiada "kejadian buruk" akan berlaku," katanya.

-- BERNAMA

TM ZK OS